



5 November 2024



## JAKOA sudah sedia berdepan musibah Monsun Timur Laut

KUANTAN: Kebajikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli ketika berdepan Monsun Timur Laut (MTL menjadi keutamaan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Ketua Pengarah JAKOA, Datuk Sapiah Mohd Nor berkata setakat ini segala persiapan dilakukan untuk memastikan segala bantuan dapat disalurkan kepada mereka yang terjejas.

Katanya, sekiranya bantuan terutama bakul makanan itu sukar dihantar melalui jalan darat, helikopter akan digunakan untuk misi penghantaran.

"Kita berusaha dan lihat kepada situasi kerana kebiasaan Tok Batin atau penghulu akan membuat permintaan sama ada menghantar bantuan lebih awal atau sebaliknya.

"Jangan fikir sudah banjir, baru JAKOA membuat persediaan terutama penghantaran bantuan iaitu bakul makanan kepada mangsa banjir.

"Dalam bakul makanan itu ada beras, minyak masak, gula, kopi, biskut, makanan dalam tin seperti sardin dan kari ayam," katanya selepas Majlis Penyerahan Kunci dan Pengoperasian Pusat Latihan JAKOA Paya Bungor, di sini hari ini.

Monsun Timur Laut (MTL dijangka melanda negara inibermula hari ini dan berterusan sehingga Mac tahun depan. Sapiah berkata segala persediaan daripada segi kemudahan pusat pemindahan sementara (PPS) akan sentiasa dipastikan berada dalam keadaan baik dan selesai.

Katanya, bantuan segera akan diberikan kepada masyarakat Orang Asli terutama di perkampungan Orang Asli yang berisiko. "JAKOA dan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) akan bekerjasama sepanjang musim monsun ini bagi memastikan segala dirancang berjalan baik," katanya.

